



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/32/24 Jld.2 (25)
Tarikh : 13 Februari 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN GRED N2 (N22) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Pembantu Penyediaan Makanan Gred N2 (N22)** dan tawaran ini terbuka kepada Pembantu Penyediaan Makanan Gred N1 (N19) yang sedang memegang Gred N2 (N22) mulai **01.08.2024**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memegang Gred N2 (N22) **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2024** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2022, Tahun 2023, Tahun 2024 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2025** : 1 salinan

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)




CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuhan ke Gred N2 (N22), dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **14 Mac 2025 (Jumaat)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Cik Nur Izzatul Hazwani binti Hassin)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.** Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuhan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib** bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

- Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan Mohon panjangkan ke semua
Bahagian/Jabatan di IPKKM
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan Mohon panjangkan ke
semua institusi latihan KKM
di bawah BPL
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
- Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia


KADER

- Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
- Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Pengarah
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
Kementerian Dalam Negeri

LAMPIRAN B

SENARAI SEMAK (CHECKLIST) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/	TIADA
1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023 <i>(Muat turun melalui Kod QR berikut)</i>	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
			
<small>BORANG NP(S)8.2.2023</small>			
2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2022, 2023, 2024 <i>(Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja)</i>	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
3. Salinan LNPK 2025	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2024 sehingga kini	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan)	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>
6. Salinan keputusan/laporan Lembaga Tatatertib (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/>

**SENARAI NAMA YANG TERLIBAT DENGAN KENAIKAN PANGKAT
BAGI PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN GRED N19 (N1) KE GRED N22 (N2)
TARIKH MEMANGKU : 01 OGOS 2024**

BIL	NAMA	PENEMPATAN	NEGERI
1	MOHD SHAMSUZZAMAN BIN MOHD ANUAR	JABATAN KESIHATAN NEGERI PAHANG	PAHANG

DISAHKAN OLEH :

NAMA : NUR IZZATUL HAZWANI BINTI HASSIN

JAWATAN : PENOLONG SETIAUSAHA
UNIT NAIK PANGKAT (PELAKSANA)
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TARIKH : 13/02/2025

